# Puisi Tradisional
# (Pantun Lapan Kerat)

## Maksud

***Rangkap 1***

Bersifat sabar ialah tanda orang yang beriman. Orang yang beriman tidak akan terpedaya dengan bisikan iblis dan itu sebagai tanda kejayaan.

***Rangkap 2***

Keturunan manusia berasal daripada Nabi Adam. Dipilih menjadi menjadi khalifah/ pemimpin di muka bumi Allah.

***Rangkap 3***

Kelalaian manusia menyebabkan bumi rosak binasa. Kebudayaan Timur telah dicemari oleh budaya Barat malah bahasa ibunda juga turut diabaikan.

## Tema

Keagamaan

## Persoalan

1. Persoalan kunci kejayaan ialah bersabar. (rangkap 1)
2. Persoalan keistimewaan sebagai seorang manusia. (rangkap 2)
3. Persoalan pencemaran budaya dan bahasa . (rangkap 3)

## Bentuk

1. Mempunyai 3 rangkap.
2. Mempunyai 8 baris dalam setiap rangkap.
3. Jumlah perkataan antara 3 hingga 5 patah perkataan.
   Contoh : ikan teluk parang-parang ( 3 perkataan – rangkap 2)
   Contoh : biarlah sabar dengan perlahan ( 4 perkataan – rangkap 1)
   Contoh : Di tepi halaman menanam kubis ( 5 perkataan – rangkap 1)
4. Terdiri daripada 8 hingga 13 suku kata.
5. Rima akhir abcdabcd
6. Bentuk pantun terikat.

## Gaya Bahasa

1. Unsur bunyi
   Asonansi - *kerana lalai rosak binasa* (rangkap 3 baris 6)
   Aliterasi – *bumi kandungan nenek moyangku* (rangkap 3 baris 5)

2. Sinkof
   *Bumi kandungan nenek moyang**ku (***rangkap 3 baris 5)

3. Kata ganda
   Anak ketam disangka **lelabi** (rangkap 2 baris 2)
   Dapat buruan **dibelah-belah** (rangkap 2 baris 4)
   Bukan makhluk **sebarang-barang** (rangkap 2 baris 5)
   ***Lengkang-lengkung*** *apa dipaku* (rangkap 3 baris 1)

4. Unsur alam
   Tumbuhan – *kubis, papaya*
   Haiwan – *ikan , ketam, lelabi*
   Alam – *hutan, langit, bumi*

## Nilai

1. Nilai kesabaran. Kesabaran amat penting untuk menepis segala hasutan iblis.
2. Nilai kesyukuran.Bersyukurlah kita  dengan segala anugerah Allah kepada kita.
3. Nilai keimanan. Keimanan penting dalam mengharungi kehidupan.

## Pengajaran

1. Kita hendaklah sabar dalam menjalani kehidupan agar kita beroleh kejayaan.
2. Kita hendaklah bersyukur apabila dipilih sebagai pemimpin.
3. Kita janganlah merosakkan budaya dan bahasa Melayu.

**LATIHAN.**

1. Berikan maksud rangkap Pantun Lapan Kerat dibawah.

    *Biarlah sabar dengan perlahan,*
    *Itulah tanda tuan beriman*
    *Tidak patah digoncang iblis*
    *Akhirnya menang berjaya*.

2. Nyatakan unsur-unsur alam yang terdapat dalam Pantun Lapan Kerat.

**JAWAPAN**

1. Bersifat sabar ialah tanda orang yang beriman. Orang yang beriman tidak akan terpedaya dengan bisikan iblis dan itu sebagai tanda kejayaan.

2. Unsur alam
   Tumbuhan – *kubis, papaya*
   Haiwan – *ikan , ketam, lelabi*
   Alam – *hutan, langit, bumi*